

09/11/1998

Barisan mampu ulangi kejayaan bentuk kerajaan

KANGAR, Ahad - MCA yakin Barisan Nasional (BN) mampu mengulangi kejayaan membentuk kerajaan pada pilihan raya umum akan datang walaupun suasana politik semasa negara tidak begitu baik.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata rakyat sudah pasti mahukan pemimpin yang terbukti mampu membangunkan negara serta mendapat pengiktirafan antarabangsa berbanding pemimpin pembangkang sedia ada.

"Pada pilihan raya nanti, rakyat boleh membuat pilihan terhadap kerajaan yang mereka inginkan.

"Adakah mereka mahu Dr Mahathir Mohamad terus menjadi Perdana Menteri atau tidak?" katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berucap dan merasmikan Wisma MCA bernilai kira-kira RM700,000, di sini, hari ini.

Hadir sama, Setiausaha Agung parti itu, Datuk Dr Ting Chew Peh dan Pengerusi MCA negeri, Khor Liang Tee.

Dr Ling berkata, sungguhpun terdapat kumpulan yang melancarkan demonstrasi menghentam kepemimpinan Dr Mahathir dan kerajaan, bilangan mereka terlalu kecil berbanding keseluruhan penduduk negara ini.

Beliau berkata, kajian yang dijalankan menunjukkan lebih 90 peratus masyarakat Cina di negara ini menyokong BN dan terus mahukan kepemimpinan Dr Mahathir Mohamad.

Mengenai persediaan parti itu menghadapi pilihan raya umum akan datang, Dr Ling berkata, ia sudah dimulakan sebaik selesai pilihan raya umum lalu.

"Pemimpin kita menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap negara dan pengundi di kawasan mereka sebaik saja pilihan raya umum lalu, itu juga persiapan menghadapi pilihan raya akan datang," katanya.

(END)